

Oleh Presiden  
Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama di  
dalam Presidensi Utama



# Mengimbau Mereka untuk Berdoa

**B**ila saya seorang kanak kecil, ibubapa saya mengajar saya untuk berdoa dengan teladan mereka. Saya menggambarkan dalam fikiran saya bahawa Bapa Syurgawi sangat jauh dari saya. Semasa saya menjadi matang, pengalaman doa saya berubah. Gambar dalam fikiran saya menjadi seorang Bapa Syurgawi yang dekat, yang diselubungi oleh satu sinaran yang terang, dan Dia mengetahui saya dengan sempurna.

Perubahan ini datang semasa saya memperolehi satu kesaksian yang pasti bahawa laporan Joseph Smith tentang pengalamannya pada tahun 1820 di Manchester, New York adalah benar:

“Aku melihat seberkas tiang cahaya persis di atas kepalaku, melebihi kecermelangan matahari, yang turun secara bertahap sampai jatuh ke atas diriku.

“Segera setelah itu tampak aku mendapati diriku dibebaskan dari musuh yang mengekangku. Ketika cahaya itu berhenti di atas diriku aku melihat dua Sosok, yang kecermelangan dan kemuliaan Mereka tak teruraikan, berdiri di atas diriku di udara. Salah seorang dari Mereka berfirman kepadaku, memanggilku dengan nama dan berfirman, menunjuk kepada yang lain—*Inilah Putera Terkasihku. Dengarlah Dia!*” (Joseph Smith—Sejarah 1:16–17).

Bapa Syurgawi berada dalam dusun itu pada hari musim bunga yang indah itu. Dia memanggil Joseph Smith dengan namanya. Dan Dia memperkenalkan Juruselamat dunia ini yang sudah bangkit sebagai “Putera TerkasihNya”. Tak kira di mana dan pada masa apa pun anda berdoa, kesaksian anda tentang kenyataan pengalaman yang gemilang ini akan memberkat anda.

Kita berdoa kepada Bapa yang mulia yang menciptakan dunia-dunia melalui Putera TerkasihNya. Dia mendengar doa kita seperti Dia mendengar doa Joseph—sejelas seolah-olah kita berdoa dalam hadirannya. Dia menyayangi kita sampai Dia memberikan kita PuteraNya sebagai Juruselamat kita. Kerana kurnia ini, Dia membolehkan kita untuk memperolehi hidup kekal. Dan Dia berikan kita satu peluang untuk berkomunikasi dengan Dia dalam hidup ini sekerap kali kita pilih, melalui doa dalam nama PuteraNya.

Pemegang imamat dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir memiliki keyakinan yang kudus untuk “mengunjungi rumah masing-masing anggota, dan *mengimbau mereka untuk berdoa dengan bersuara dan secara rahsia*” (A&P 20:47; penekanan ditambahkan).

Adanya banyak cara untuk mengimbau seseorang

untuk berdoa. Sebagai contoh, kita boleh memberi kesaksian bahawa Tuhan memerintah kita untuk selalu berdoa, atau kita boleh menghuraikan contoh-contoh dari kitab suci dan dari pengalaman peribadi kita tentang berkat-berkat yang datang dari doa kesyukuran, doa permintaan, dan doa pertanyaan. Contohnya, saya boleh bersaksi bahawa Bapa Syurgawi menjawab doa kita. Saya sudah menerima arahan dan keselesaan dari kata-kata yang datang ke akal saya, dan saya tahu melalui Roh bahawa kata-kata itu datang dari Tuhan.

Nabi Joseph Smith memperoleh pengalaman begitu, dan anda boleh juga. Dia menerima jawapan kepada doanya yang ikhlas:

“PuteraKu, kedamaian bagi jiwamu; kemalanganmu dan kesengsaraanmu akan terjadi hanya sesaat;

“Dan kemudian, jika engkau bertahan di dalamnya dengan baik, Tuhan akan memperlakukannya engkau di tempat yang tinggi” (A&P 121:7–8).

Ini adalah wahyu dari seorang Bapa yang penyayang kepada seorang putera yang beriman yang sengsara. Setiap anak Tuhan boleh berkomunikasi dengan Dia melalui doa. Perasaan kasih sayang dan cahaya yang datang kepada saya sebagai jawapan kepada doa yang rendah hati mempunyai kesan yang hebat ke atas saya melebihi sebarang galakan untuk berdoa.

Kita memperoleh satu kesaksian tentang sebarang perintah Tuhan dengan mematuhi perintah itu (lihat Yohanes 7:17). Ini adalah benar bagi perintah bahawa kita berdoa secara bersuara atau secara rahsia. Sebagai guru dan sahabat anda, saya berjanji bahawa Tuhan akan menjawab doa anda dan melalui kuasa Roh Kudus, anda boleh mengetahui secara diri sendiri bahawa jawapan datang dari Dia.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

- “Gambar-gambar adalah alat yang bernilai untuk memperkuat idea utama satu pelajaran” (*Teaching, No Greater Call* [1999], 176). Tunjukkan satu gambar Joseph Smith atau gambar Penglihatan Pertama. Berbincang

tentang pengalaman doa Joseph Smith. Bagaimana doa anda boleh menjadi lebih bererti jika anda menggambarkan “Bapa Syurgawi . . . yang dekat,” seperti Presiden Eyring?

- Seperti yang dicadangkan oleh Presiden Eyring, bertimbang untuk mengongsikan kesaksian anda tentang doa, huraikan berkat-berkat yang sudah anda terima dari doa, atau mengongsikan ayat-ayat suci tentang doa.

## REMAJA

### Doa Saya yang Beriman

Oleh Priscilla Farias de Lima

**B**ila saya berusia 18, saya bekerja dalam satu kedai perabot. Jadual kerja saya sangat susah. Saya mula pada pukul 8:00 pagi hingga pukul 10:00 malam, dari hari Isnin hingga hari Sabtu. Saya sedih kerana saya tidak dapat mengambil bahagian dalam institut dan aktiviti Gereja.

Saya mula berdoa kepada Bapa Syurgawi dengan beriman meminta Dia untuk membantu saya mencari satu kerja di mana saya tidak perlu bekerja pada hari Sabtu supaya saya dapat menghadiri institut dan aktiviti lain.

Suatu hari di kerja, saya menolong seorang lelaki. Kami mula berbual-bual, dan dia kata dia bekerja di satu bank besar. Saya menanya bagaimana saya boleh bertanding demi satu kerja dalam bidang ini. Dia berikan saya nama dan nombor telefonnya dan beritahu saya bahawa saya boleh menelefon ahli rekrut mereka dan beritahu ahli rekrut itu bahawa saya mengenali dia. Saya pun pergi ke bank itu dan mengambil peperiksaan yang diperlukan. Saya lulus dan mula bekerja enam jam setiap hari dari hari Isnin hingga hari Jumaat, dan upah baru saya adalah tiga kali lebih dari upah lama saya.

Saya tahu bahawa Tuhan membimbing kita bila kita berhasrat untuk meletakkan Dia pada tempat pertama. Dia masih membimbing saya hari ini. Saya tahu bahawa asas doa adalah benar.



Iman, Keluarga, Pertolongan

## Penjaga Keluarga

*Pelajarilah pesanannya ini dan, sebagaimana sesuai, berbicaralah mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan suatu bahagian yang giat dalam kehidupan anda.*

"**A**nda penjaga keluarga," kata Presiden Gordon B. Hinckley (1910–2008) bila dia memperkenalkan "Keluarga: Suatu Perisytiharan Kepada Dunia" dalam pertemuan umum Lembaga Pertolongan pada tahun 1995. "Andalah yang melahirkan anak-anak. Andalah yang mengasuh mereka dan menubuhkan tabiat hidup dalam jiwa mereka. Tidak ada sebarang kerja pun yang dapat mencapai ketuhanan sedekat seperti pengasuhan putera dan puteri Tuhan."<sup>1</sup>

Selama 17 tahun, perisytiharan ini sudah memperkukuhkan bahawa tanggungjawab yang paling mustahak berpusat pada memperkuat keluarga dan rumah tangga—tidak kira apa pun keadaan kita. Barbara Thompson, sekarang penasihat kedua dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan, berada di Salt Lake Tabernacle bila Presiden Hinckley membacakan perisytiharan itu, "Itu satu ketika yang bagus sekali," dia ingat. "Saya dapat merasa kepentingan pesanannya itu. Saya juga berfikir, 'Ini adalah satu panduan yang baik bagi para ibubapa. Ia juga satu tanggungjawab yang besar bagi para ibubapa.' Saya berfikir seketika bahawa perisytiharan itu tidak berkenaan dengan saya

kerana saya belum kahwin dan beranak. Tetapi dengan cepatnya saya berfikir, "Tetapi ia berkenaan dengan saya. Saya adalah seorang ahli keluarga. Saya seorang anak perempuan, seorang kakak dan adik, seorang makcik, seorang sepupu, seorang anak saudara, dan seorang cucu. Saya mempunyai tanggungjawab—dan berkat—kerana saya seorang ahli keluarga. Jika saya hanya ahli keluarga saya yang masih hidup, saya masih seorang ahli keluarga Tuhan, dan saya mempunyai tanggungjawab untuk membantu demi memperkuat keluarga-keluarga lain."

Mujurnya, kita bukan bersendirian dalam usaha kita. "Bantuan yang paling besar," kata Sister Thompson, "dalam usaha kita untuk memperkuat keluarga adalah untuk mengetahui dan mengikut ajaran-ajaran Kristus dan bergantung pada Dia untuk menolong kita."<sup>2</sup>

### *Dari Sejarah Kita*

"Bila Sister Bathsheba W. Smith melayan sebagai presiden umum Lembaga Pertolongan keempat [dari tahun 1901 hingga 1910], dia menampak satu keperluan untuk memperkuat keluarga, dan dia pun memulakan pelajaran

pendidikan ibu untuk para saudari Lembaga Pertolongan. Pelajaran-pelajaran itu termasuk nasihat tentang perkahwinan, penjagaan prana-tal, dan pengasuhan anak-anak. Pelajaran-pelajaran itu menyokong pengajaran Presiden Joseph F. Smith tentang Lembaga Pertolongan membantu para wanita dengan peranan mereka dalam rumah:

"Di mana adanya kejahilan atau kekurangan kefahaman mengenai keluarga, tugas-tugas keluarga, dan kewajiban yang harus wujud dan wujud di antara suami dan isteri serta di antara ibubapa dan anak-anak, di situ organisasi ini wujud atau berdekatan, dan melalui kurnia rohani dan inspirasi yang natural yang dimiliki oleh organisasi ini mereka disediakan dan siap untuk membekalkan arahan mengenai tugas-tugas yang penting itu."<sup>3</sup>

### **CATATAN-CATATAN**

1. Gordon B. Hinckley, "Stand Strong against the Wiles of the World," *Ensign*, Nov. 1995, 101.
2. Barbara Thompson, "I Will Strengthen Thee; I Will Help Thee," *Liahona* dan *Ensign*, Nov. 2007, 117.
3. *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 153.

### *Dari Tulisan Suci*

Amsal 22:6; 1 Nefi 1:1;  
2 Nefi 25:26; Alma 56:46–48;  
Ajaran dan Perjanjian 93:40

***Apa yang Dapat Saya Lakukan?***

**1.** Bagaimana saya boleh menolong para saudari yang saya jaga untuk memperkuat keluarga?

**2.** Bagaimana saya boleh menjadi satu pengaruh yang soleh dalam keluarga saya?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari [www.reliefsociety.lds.org](http://www.reliefsociety.lds.org).